

Tarikan marin sumbang hasil kepada ekonomi Sabah

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

UB 15.3.2017 AI

KOTA KINABALU: Daya tarikan marin yang terdapat di Taman-Taman Sabah (TTS) bawa kedatangan jumlah pelancong yang tinggi ke Sabah.

Pengarah TTS Dr Jamili Nais berkata tahun lepas seramai dua juta pelancong berkunjung ke TTS.

Daripada jumlah itu katanya sebanyak RM3.5 bilion hasil berjaya disumbangkan kepada ekonomi di negeri ini.

Menurutnya walaupun Sabah mempunyai pelbagai daya tarikan pelancongan namun sektor marin dan akuakultur antara faktor yang membawa kedatangan pelancong.

“Setakat ini, Sabah mempunyai enam taman marin dan Taman Tunku Abdul Rahman antara yang menerima jumlah pelancong

paling ramai.

“Setiap tahun, hampir setengah juta pelancong direkodkan mengunjungi taman berkenaan.

“Bagaimanapun, Pulau Sipadan menjadi destinasi pelancongan yang paling menarik di dunia,” katanya.

Beliau ditemui media selepas Persidangan Antarabangsa Sains Marin dan Akuakultur (Icomsa) yang dirasmikan oleh Menteri Sains dan Teknologi Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, di sini kelmarin.

Jamili berkata bagi memastikan keamanan taman-taman marin, pihaknya melaksanakan beberapa pendekatan yang wajar.

Menurutnya langkah mewartakan taman agar dijaga sepenuhnya oleh TTS adalah pendekatan klasik yang diambil.

Selain itu jelasnya, bagi taman-taman baharu seperti

Taman Tun Sakaran dan Taman Tun Mustapha, pihaknya bekerjasama dengan komuniti di taman itu.

Langkah berkenaan katanya bukan sahaja membantu memelihara khazanah di taman terbabit, malah meningkatkan sektor pelancongan.

Dalam pada itu pihaknya juga menjalankan penyelidikan terutamanya melibatkan isu had tampungan di setiap taman.

“Ada kalanya, kedatangan pelancong melebihi had tampungan yang ditetapkan seperti pada musim cuti sekolah.

“Justeru, ia akan memberi kesan terhadap aspek konservasi dan kemudahan yang disediakan di taman-taman ini.

“Antara tindakan yang diambil, kita menaikkan kadar yuran konservasi iaitu RM3 untuk warga tempatan dan RM10 untuk pelancong luar,” jelasnya.



MADIUS (tiga kanan) bersama Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah (dua kanan) melihat penyu yang diawet sempena pameran Persidangan Antarabangsa Sains Marin dan Akuakultur (Icomsa) 2017 anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) kelmarin. *GambarBernama*